



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

BULETIN

@ PSIKOLOGI

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

BIL I TAHUN 2026

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 1 Tahun 2026

JAN 2026

MAJLIS PERASMIAN KELAB LARIAN PENANG COURT RUNNING CLUB (PCRC) ANJURAN AKRAB DENGAN KERJASAMA KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN MAHKAMAH PULAU PINANG

PULAU PINANG, 14 Januari 2026 - AKRAB Mahkamah Pulau Pinang dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Sukan telah menganjurkan Majlis Perasmian Kelab Larian Penang Court Running Club (PCRC).

Objektif program adalah meningkatkan kesihatan dan kecergasan fizikal warga Mahkamah Pulau Pinang serta menggalakkan amalan gaya hidup aktif dan sihat. Program dimulakan dengan acara larian yang dimulakan oleh YA Dato' Azizan bin Md. Arshad dan dirasmikan oleh YA Dato' Rozana binti Ali Yusoff. Majlis ini turut dihadiri oleh barisan hakim, pegawai kehakiman serta kakitangan Mahkamah Pulau Pinang.

Seramai 73 orang peserta telah menyertai program ini dan diakhiri dengan penyampaian hadiah dan jamuan ringan serta acara cabutan bertuah. Program ini dilaksanakan secara berkala pada setiap Rabu, jam 4.30 petang, setiap minggu.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

MESYUARAT JAWATANKUASA RAKAN PEMBIMBING (AKRAB) MAHKAMAH PULAU PINANG TAHUN 2026

PULAU PINANG, 28 Januari 2026 - Mesyuarat AKRAB Mahkamah Pulau Pinang telah diadakan pada 28 Januari 2026 bertempat di Bilik Mesyuarat, Tingkat 4, Kompleks Mahkamah Butterworth. Mesyuarat ini dihadiri oleh ahli AKRAB secara fizikal dan dalam talian bagi membincangkan hal ehwal pengurusan serta perancangan program AKRAB.

Mesyuarat dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Puan Ooi Sheow Yean, Pengerusi AKRAB Mahkamah Pulau Pinang. Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk membubarkan Ahli Jawatankuasa (AJK) AKRAB bagi sesi 2024/2025 dan seterusnya melantik Ahli Jawatankuasa baharu bagi sesi 2026/2027.

Mesyuarat turut membincangkan perancangan aktiviti dan program sepanjang tahun 2026, antaranya Jualan Rahmah, Hari AKRAB dan Psikologi, Pemeriksaan Kesihatan, aktiviti riadah seperti hiking dan bowling serta lawatan ke Pusat Perlindungan Hidupan Liar Sungai Perak.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PERBINCANGAN TAKWIM 2026 AKRAB MAHKAMAH KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR , 23 Januari 2026 – AKRAB Mahkamah Kuala Lumpur telah mengadakan satu perbincangan yang melibatkan Ahli Jawatankuasa (AJK) AKRAB bagi menetapkan program dan aktiviti sepanjang tahun 2026. Perbincangan ini dihadiri oleh Puan Siti Shakirah binti Dato' Wira Mohtarudi selaku Pengerusi AKRAB Mahkamah Kuala Lumpur dan Puan Rozianti binti Mohamed Hanaphi selaku Timbalan Pengerusi, serta beberapa orang AJK AKRAB.



Program ini bertujuan untuk menetapkan takwim aktiviti AKRAB bagi tahun 2026 serta mengukuhkan ukhuwah dalam kalangan AJK AKRAB. Secara keseluruhannya, perbincangan ini amat penting bagi memastikan perancangan AKRAB Mahkamah Kuala Lumpur bagi tahun 2026 dapat dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan hala tuju pengurusan tertinggi

Perbincangan selama 30 minit tersebut diakhiri dengan jamuan ringan sebagai penghargaan atas usaha dan pencapaian AKRAB Mahkamah Kuala Lumpur yang telah dinobatkan sebagai AKRAB Paling Cemerlang Tahun 2025.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM JUADAH PERCUMA 100 BUNGKUS UNTUK WARGA MAHKAMAH NEGERI SELANGOR

SELANGOR, 23 JANUARI - AKRAB Mahkamah Negeri Selangor telah berjaya menganjurkan Program Juadah Percuma dengan pengagihan sebanyak 100 bungkusan makanan kepada warga Mahkamah Shah Alam. Program ini telah dihadiri oleh Puan Nurul Husna binti Awang selaku Pengerusi AKRAB Mahkamah Negeri Selangor, bersama ahli-ahli AKRAB dan menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada kira-kira 100 orang pegawai serta kakitangan. Program ini turut diserikan dengan sambutan hari lahir kakitangan bagi bulan Januari 2026 yang diraikan secara sederhana melalui bacaan doa dan nyanyian lagu hari jadi. Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Mahkamah Shah Alam, memupuk semangat kebersamaan serta keprihatinan sosial, di samping menyemai nilai kasih sayang dan kerjasama di tempat kerja. Secara keseluruhannya, Program Juadah Percuma ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi impak positif dalam mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kebersamaan dan keprihatinan sosial dalam kalangan warga Mahkamah Shah Alam.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI SEMBILAN DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI (KPDN) NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN, 23 Disember 2025 – AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Negeri Sembilan telah menganjurkan Program Jualan Rahmah MADANI sebagai inisiatif membantu meringankan kos sara hidup melalui penawaran barangan keperluan asas pada harga berpatutan. Program ini memberi peluang kepada warga mahkamah dan masyarakat setempat mendapatkan barangan berkualiti pada harga rahmah serta meningkatkan kesedaran terhadap inisiatif berkenaan.

Sebanyak sembilan tapak jualan melibatkan pembekal KPDN dan vendor luar telah dibuka dan menerima sambutan yang amat menggalakkan. Selain warga Mahkamah, program ini turut disertai kakitangan beberapa agensi kerajaan sekitar mahkamah. Secara keseluruhannya, penganjuran kali kedua ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan serta mengukuhkan hubungan antara Mahkamah Negeri Sembilan, KPDN dan masyarakat setempat.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM AKRAB PRIHATIN MAHKAMAH NEGERI PAHANG

KUANTAN, 30 Januari - Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Malaysia (AKRAB) Mahkamah Negeri Pahang telah menganjurkan **Program AKRAB Prihatin** melalui pengagihan sarapan pagi percuma kepada seluruh warga kehakiman di Kompleks Mahkamah Kuantan.

Program ini melambangkan keprihatinan dan semangat kebersamaan dalam kalangan warga kehakiman dalam memelihara kebajikan rakan sekerja, di samping memupuk amalan bersedekah serta berkongsi rezeki sebagai medium untuk mengeratkan ukhuwah.

Program AKRAB Prihatin ini diharapkan dapat terus menyemai nilai keprihatinan dan kebersamaan dalam kalangan warga kehakiman, sekali gus menyumbang kepada pembentukan persekitaran kerja yang harmoni dan saling menyokong.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI ANJURAN BERSAMA AHLI RAKAN PEMBIMBING (AKRAB) MAHKAMAH TERENGGANU DAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAHKAMAH TERENGGANU (KESUKMA)

TERENGGANU, 24 Januari - AKRAB Mahkamah Terengganu dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Mahkamah Terengganu (KESUKMA) telah menganjurkan Program Pembersihan Pantai yang diadakan serentak di Pantai Teluk Ketapang, Kuala Nerus dan Pantai Bukit Keluang, Besut, Terengganu. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohd Azhar bin Othman selaku Pengarah Mahkamah Negeri Terengganu, dan bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga mahkamah mengenai tanggungjawab bersama dalam memelihara kebersihan pantai serta menghargai keindahan alam ciptaan Allah SWT.

Program ini menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 70 orang pegawai, kakitangan serta ahli keluarga dari Mahkamah Kuala Terengganu, Besut dan Setiu. Hasil daripada aktiviti pembersihan tersebut, dianggarkan sebanyak 200 kilogram sampah berjaya dikumpulkan, sekali gus mencerminkan komitmen tinggi para peserta terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kerjasama dan keprihatinan terhadap kebersihan alam sekitar dalam kalangan warga Mahkamah Terengganu.



PROGRAM AKRAB INSPIRE 2026 MAHKAMAH NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN, 27 Januari - AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan telah mengadakan Program AKRAB Inspire 2026 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks Mahkamah Seremban dengan kehadiran seramai 26 orang ahli AKRAB dan rakan strategik. Program ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim, menghargai sumbangan serta kejayaan ahli AKRAB sepanjang tahun 2025, di samping meningkatkan motivasi dan semangat kebersamaan dalam kalangan ahli AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan.

Pengisian program merangkumi pembentangan pencapaian dan impak program AKRAB tahun 2025 serta perkongsian perancangan dan hala tuju strategik bagi tahun 2026. Program ini turut diserikan dengan sesi bergambar dan penyampaian hadiah sempena kejayaan AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan yang telah memenangi anugerah bagi Kategori Negeri dan Kategori Individu.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

MESYUARAT JAWATANKUASA RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB)
PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
(PKPMP) BILANGAN 1 TAHUN 2026



PUTRAJAYA, 27 Januari 2026 – Mesyuarat Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) Bil. 1 Tahun 2026 telah diadakan pada 27 Januari 2026 secara dalam talian bagi membincangkan pelaksanaan serta perancangan program dan aktiviti AKRAB sepanjang tahun 2026 di peringkat PKPMP dan Mahkamah Negeri.

Seramai 21 orang Ahli Jawatankuasa AKRAB PKPMP bersama pegawai daripada Cawangan Psikologi telah menghadiri mesyuarat ini. Perbincangan merangkumi Program AKRAB @ PKPMP, permohonan bajet dalam Pelan Operasi (POL) 2026, Program Signature AKRAB, serta penyelarasan jadual penglibatan AKRAB dalam program Cawangan Psikologi.

Mesyuarat turut membincangkan pelaksanaan Program Pengukuhan AKRAB dan Program Pemantapan Sinergi Strategik AKRAB 2026, sebelum diteruskan dengan hal-hal lain. Mesyuarat di tangguh pada jam 4.00 petang.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM BOOTH PSIKOLOGI PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN

Putrajaya, 29 Januari 2026 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dengan kerjasama AKRAB telah menganjurkan Program Booth Psikologi dan AKRAB di Bilik AKRAB, Aras 1, Istana Kehakiman, Putrajaya. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental, pengurusan emosi dan kesejahteraan psikologi serta memperkenalkan perkhidmatan psikologi, kaunseling dan peranan AKRAB melalui pendekatan santai dan mesra pengguna.

Seramai kira-kira 50 orang warga PKPMP telah mengunjungi booth ini dengan pelbagai aktiviti disediakan, antaranya sesi bimbingan AKRAB, Ujian-ujian Psikologi ringkas, Suara Hati Warga Kehakiman, Kuiz Psikologi dan Kaunseling, serta aktiviti terapi kreatif seperti Clay Art, Colouring Relief, penanda buku, (HTP), House, Tree, Person dan Muzik Terapi. Secara keseluruhannya, program ini telah dilaksanakan tanpa implikasi kewangan dan menerima sambutan yang menggalakkan daripada warga jabatan.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM *Let's Break @* PSIKOLOGI Siri 1: "Reset Minda 2026"

Putrajaya, 29 Januari 2026 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah menganjurkan Program *Let's Break @ Psikologi* Siri 1: "*Reset Minda 2026*" bertempat di Bilik AKRAB, Istana Kehakiman, Putrajaya bagi meningkatkan kesedaran warga kehakiman terhadap kesejahteraan psikologi.

Program interaktif selama tiga jam ini disertai oleh 22 orang peserta dan dikendalikan oleh Encik Muhammad Azdha bin Zakaria, Penolong Pegawai Psikologi (MyStep), melalui sesi ceramah santai dan aktiviti interaktif yang memfokuskan pengurusan pemikiran dan emosi dalam persekitaran kerja.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap corak pemikiran negatif, memahami konsep *reset minda* serta hubungan antara situasi, pemikiran dan emosi melalui Model ABC (REBT). Pelaksanaan program berjalan lancar tanpa implikasi kewangan dan menerima maklum balas positif daripada para peserta.

The poster features the official logo of the Malaysian Judicial Service Commission (Majlis Perundangan Malaysia) at the top left. The title 'Let's Break @ Psikologi' is prominently displayed in a stylized font, with 'Siri 1' in a red box to the right. Below the title, the theme 'CONTENT - FUN - RELAX - GAMES' is written. The main event title 'RESET MINDA 2026' is in large, bold, 3D letters. A QR code for registration is on the left. The event details include: KHAMIS 29 JANUARI 2025, 9.00 AM - 12.00 PM, at BILIK AKRAB, ARAS 1, ISTANA KEHAKIMAN. It mentions 'SIJIL DIGITAL DISEDIAKAN' and 'TERHAD KEPADA 20 PENYERTAAN SAHAJA'. A list of activities with checkboxes includes: Mengenal pasti tanda keletihan mental, Memahami corak pemikiran yang tidak membantu, Mempelajari teknik reset minda yang praktikal, Pelbagai aktiviti menarik berkaitan reset minda, and Kuiz Kahoot!! beserta hadiah menarik. A photo of the facilitator, Encik Muhammad Azdha bin Zakaria, is shown on the right with his title 'PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI'.

